



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh
75450 Melaka

Tel:06-2895000

Faks:06-2345201 / 5202 / 5207

Web: <http://portalpp.anm.my/melaka>

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/1255
Tarikh : 15 November 2023
Bersamaan : 1 Jamadilawal 1445h

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Di bawah seliaan JANM Melaka.**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL. 53/2023/P : PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN
(SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM
PERSEKUTUAN**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat Jabatan ini di dalam kandungan yang sama bertarikh 13 Januari 2023, 22 Mac 2023 dan 5 April 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan melaksanakan semakan tambahan (*second validation*) bermula dengan pembayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan mengikut bank secara berperingkat. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan akauntabiliti dan integriti proses pembayaran Kerajaan dan memastikan pembayaran disalurkan kepada penerima yang sebenar.

3. Sehubungan dengan itu, bank seperti senarai di bawah telah dipilih untuk melaksanakan semakan tambahan bayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan bagi Fasa Dua (i). Bersama-sama ini juga dikemukakan semula Surat Edaran BPOPP Bilangan 1 Tahun 2023 untuk makluman dan rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.


Bil.	Bank	Pelaksanaan <i>Second Validation</i> bermula
1.	Bank Islam Malaysia Berhad	Disember 2023
2.	Public Bank Berhad	Januari 2024
3.	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	Januari 2024

4. Sehubungan itu, PTJ hendaklah memastikan;-
- 4.1 Maklumat **nombor kad pengenalan** dan **nombor akaun bank** di dalam Modul *Human Capital Management* (HCM) adalah **SAMA** dengan maklumat di sistem bank. **Perbezaan** maklumat antara Modul HCM dan sistem bank akan menyebabkan pembayaran **gaji** pegawai **tidak berjaya**;
 - 4.2 **Satu akaun bank** sahaja boleh digunakan bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor EMPLOYEE (EMP) untuk bayaran emolumen kepada Penjawat Awam melalui Modul **HCM (Payroll)** dan bayaran lain di Modul *Account Payable* (AP) **iGFMS**; dan
 - 4.3 Penggunaan akaun-akaun berikut adalah **tidak dibenarkan** bagi pembayaran **emolumen**.
 - a. Akaun Bank Syarikat (Perniagaan Tunggal); dan
 - b. Akaun Bersama (*Joint Account*).
5. Sebarang persoalan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada mana-mana pegawai Unit Pengurusan Khidmat Pelanggan (UKPP) JANM Melaka di talian 06-2895000.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya Yang Menjalankan Amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CFFA(UK), C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka